



Anwar bersama Alexander dan Ahmad pada perjumpaan dengan warga Kementerian Kerja Raya di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Nabila Adiina Azahari/BH)

# Kerajaan bimbang tindakan agungkan pemberi rasuah

**Pemimpin, penyokong tidak patut gadai nilai kemanusiaan kerana politik**

**Oleh Muhammad Yusri Muzamir**  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kecenderungan sesetengah pihak mengagung-agungkan pemberi rasuah sangat mengusarkan dalam usaha kerajaan mahu membanteras penyalahgunaan kuasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pemimpin dan penyokong tidak sepatutnya menggadaikan nilai kemanusiaan semata-mata kerana per-

selisihan politik sehingga mendewa-dewakan pemberi suapan.

Mengambil contoh tindakan membanteras rasuah, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, nilai kemanusiaan terhakis dalam usaha negara memerangi rasuah dan pada masa sama, kumpulan berkenaan marah jika tindakan diambil terhadap pihak terbabit rasuah itu rakan sendiri.

“Ada pihak yang terlalu mendewa-dewakan dan mengagung-agungkan sesetengah susuk hingga menghakis nilai kemanusiaan.

“Mereka mengagung-agungkan pemberi suapan dan keadaan itu mengusarkan. Kita kata benci rasuah tetapi apabila tindakan diambil dan kalau kena pada kawan, kita akan marah.

“Disebabkan ini kita tidak akan mampu mengangkat negeri dan negara kita,” katanya berucap pada Perjumpaan Perdana Men-

teri bersama Warga Kementerian Kerja Raya di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Azman Ibrahim.

## Manfaat kestabilan politik

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, semua pihak perlu memanfaatkan kestabilan politik yang dikecapi sekarang untuk merangka dan melaksanakan program demi kebaikan rakyat.

Anwar berkata, kestabilan politik Malaysia kini membolehkan kerajaan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik, mengurangkan kadar pengangguran dan merekodkan kadar masukannya pelaburan tertinggi dalam sejarah.

“Beberapa tahun sebelum ini,

negara kita terumbang-ambing politiknya. Sekarang, tiga tahun kerajaan dan politik negara stabil. Alhamdulillah, bila stabil, hasilnya kita hampir berjaya noktah kemiskinan tegar.

“Saya tidak mahu mendabik dada kata usaha saya seorang. Ini usaha Jemaah Menteri yang ada tekad bersama, kemudian Ketua Setiausaha Negara terjemahkannya di peringkat pelaksanaan,” katanya.

Anwar berkata, masih terdapat beberapa kekurangan yang perlu ditangani bagi memastikan kejayaan yang lebih gemilang.

“Bukan maksudnya itu kita meremehkan apa yang telah kita lakukan tetapi kita perlu akui ada ruang untuk diperbaiki.

“Saya tekankan kadang-kadang dalam pertarungan kita, baik politik, perselisihan faham, ideologi, kaum, suku kaum dan negeri, kadangkala hilang nilai kemanusiaannya,” katanya.